

27/02/1999

Pengganti Munir diumumkan Ahad

MENTERI Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin dijangka mengumumkan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC) yang baru berikutan tamat tempoh perkhidmatan pengerusi sekarang, Datuk Dr Mohd Munir Abdul Majid, akhir bulan ini (Ahad).

Dr Munir berkata, beliau menyatakan hasrat untuk tidak memperbaharui kontraknya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, November lalu, ketika Dr Mahathir menjadi Menteri Kewangan Pertama.

Beliau juga menyatakan hasrat sama kepada Tun Daim, bulan lalu.

"Saya percaya Menteri Kewangan sudah mengenal pasti seseorang untuk mengambil alih (jawatan itu). Saya percaya pengumumannya akan dibuat esok (hari ini)," katanya selepas pembukaan rasmi bangunan SC oleh Perdana Menteri di Kuala Lumpur, semalam.

Apabila ditanya mengenai rancangan masa depan beliau selepas menamatkan perkhidmatannya, Munir berkata: "Saya mahu mempunyai lebih banyak masa persendirian," katanya.

Mengenai pencapaian paling membanggakannya sebagai pengerusi SC, beliau berkata, salah satunya ialah siapnya bangunan baru SC.

Bagaimanapun, beliau menyerahkan kepada pandangan awam mengenai pencapaiannya itu.

"Saya lebih suka jika anda yang membuat analisis. Banyak perkara yang sudah dicapai..." katanya.

Munir, 51, yang juga pengerusi pertama SC, mula dilantik ke jawatan itu pada 1 Mac 1993. Beliau berkelulusan doktor falsafah (PhD) dan Sarjana Muda Ekonomi dari London.

Beliau pernah menjadi pensyarah sambilan di Jabatan Perhubungan Antarabangsa, London School of Economics pada 1972, penulis utama di New Straits Times (NST) pada Januari 1979 dan Ketua Pengarang Kumpulan NST, Julai 1985.

(END)